

(29 Mei 2022) - BH, 120

Selenggara jalan antara punca KL sesak

DBKL ambil tindakan ikut fasa kurangkan kesesakan pada waktu puncak

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerja pembaikan dan penyelenggaraan jalan pada waktu puncak menjadi antara faktor kesesakan luar biasa yang berlaku di ibu kota ketika ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata masalah kesesakan adalah perkara biasa dan berlaku hampir di semua bandar besar, namun akuinya perkara itu masih boleh dielakkan.

Malah katanya, kesesakan yang berlaku di ibu kota ketika

ini dikesan semakin teruk selepas Aidilfitri lalu, perlu dikurangkan demi kesejahteraan pengguna jalan raya.

"Beberapa pendekatan akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ia bukan sekadar kajian semata-mata, tetapi tindakan yang akan dilakukan mengikut fasa demi fasa bagi mengurangkan kesesakan.

"Apa yang penting ketika ini adalah pengurusan jalaran jalan raya di Kuala Lumpur dapat diselaraskan dan dapat mengurangkan kesesakan yang tidak sepatutnya berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis bermula dari jam 10 pagi hingga 2 petang yang menyediakan pelbagai juadah disediakan oleh 120 masjid dan surau Jumaat, termasuk dari Putrajaya dan Labuan.

Kira-kira 20,000 orang menghadiri setiap kali banjir di ibu kota, Jalaluddin berkata, tindakan dan penyelenggaraan secara berterusan oleh DBKL giat dijalankan, termasuk melipatgandakan jumlah kakitangan.



Jalaluddin (lima dari kanan) bersama tetamu pada Majlis Sambutan Aidilfitri@Dataran Merdeka anjuran JAWI dan DBKL di Dataran Merdeka, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

Yang turut hadir, Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail.

Terdahulu, Jalaluddin dilaporkan berkata, DBKL akan membuat kajian terperinci mengenai kaedah dan pendekatan mengurangkan situasi kesesakan lalu lintas yang dilihat kritikal.

Beliau dilaporkan berkata, antara aspek yang diberi perhatian, termasuk penyelarasan sistem lampu isyarat dan sistem pengurusan parkir yang menghalang lalu lintas.

Sementara itu, berkenaan air bertakung setiap kali banjir di ibu kota, Jalaluddin berkata, tindakan dan penyelenggaraan secara berterusan oleh DBKL giat dijalankan, termasuk melipatgandakan jumlah kakitangan.

Selain itu katanya, terdapat



Orang ramai hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri@Dataran Merdeka, semalam.

juga pelan jangka panjang yang bakal dan sedang dalam pentadbiran jawatankuasa yang bakal dilaksanakan fasa demi fasa di ibu kota.

"Saya menjangkakan perkara

ini sudah pasti akan dapat diselesaikan, walaupun bukan 100 peratus, tetapi dalam kadar yang sewajarnya dapat mengurangkan kejadian seperti sebelum ini," katanya.